

# Menjaga Nilai Duit Melalui Emas

oleh

Hassan Mat

[www.jabi-online.com](http://www.jabi-online.com)

## Kandungan

1. Pendahuluan
2. Dimana saya?
3. Dimanakan Ku Cari Ganti?
4. Timbul Penyesalan
5. **Nilai Mata Wang**
6. **Nilai Emas**
7. **Simpanan Emas**
8. **Kesimpulan**

## **Pendahuluan**

Di usia yang agak tua, umur 58 tahun (pada 2016), saya menghadapi dilema dalam pengurusan kewangan keluarga. Saya mula pencen pada tahun 2016. Saya berehat atau boleh dikatakan tidur setahun lebih. Saya cuma membantu sedikit sebanyak isteri saya dalam penjualan batik di negeri kedah. Itu adalah satu cerita lain.

Apabila terjaga dari tidur, saya dapati bahawa keadaan saya dalam keadaan yang agak meruncing. Pendapatan saya sudah berkurangan. Pendapatan dari kebun getah dan kelapa sawit yang agak rendah. Nilai wang yang agak merosot dengan penurunan nilai mata wang yang rendah kurang dari 4.0 bagi US\$ pada akhir tahun 2015. Bergantung kepada nilai pencen yang tak seberapa. Nilai simpanan yang menurun. Kejutan ini membuatkan saya berfikir.

Isteri saya memberitahu bahawa emas boleh dijadikan bahan simpanan untuk menahan kejatuhan nilai wang. Tanpa berfikir panjang, saya mula membeli emas. Kemudiannya baru saya mula mengkaji lebih dalam mengenai emas.

Saya berharap dengan tulisan ini dapat membantu mereka yang sedang menghadapi dilema seperti saya. Saya juga berharap, saya dapat menyedarkan generasi muda agar mereka dapat mengambil iktibar dari apa yang saya hadapi.

Dalam penulisan ini, saya bercerita mengenai pengurusan wang dengan menggunakan emas. Ini adalah penulisan dari seorang insan yang bukan pakar dalam pengurusan kewangan. Sekiranya ada kekurangan maafkan saya. Kalau ada maklumat untuk memperbaiki e-mailkan saya: Hassan Mat <hbmat58@gmail.com>.

Tak tumbuh tak melata-Tak sungguh orang tak kata!

## **Dimanakah Saya?**

### **Pendahuluan**

Umur saya sekarang mencecah 58 tahun (Tahun 2016). Saya mula pencen semasa umur cukup 56 tahun. Duit pencen itulah yang saya gunakan untuk perbelanjaan harian. Duit ganjaran pencen yang diperolehi selepas pencen berlalu begitu sahaja, membayar hutang-hutang yang ada tetapi tidaklah sepenuhnya. Persoalannya adakah duit pencen itu cukup untuk saya dan keluarga didunia yang makin mencabar ini?

### **Pencen**

Apabila kita pencen, pendapatan yang kita dapat cuma sekurang-kurangnya 50% dan mungkin kurang berdasarkan berapa lama kita bertugas. Di Malaysia harga barang semakin bertambah. Harga sewa rumah juga makin meningkat. Pada tahun 2016, GST mula diperkenalkan di Malaysia. Penambahan GST 6% menyebabkan kebanyakan harga barang meningkat. Hutang saya walau pun berkurangan masih ada sekeliling pinggang. Hutang kereta, hutang rumah kami, dan hutang ASB masih ada.

### **Pendapatan Sampingan**

Untuk mendapat pendapatan sampingan perlukah saya berkerja semula? Itu satu persoalan yang biasa timbul dikepala saya. Pada umur 58 tahun, badan saya dah semakin lemah. Kesihatan saya pun sudah berkurangan dan sudah tidak mampu membuat kerja berat. Ada yang menghadapi masalah darah tinggi, kencing manis dan juga masalah dengan buah pinggang. Ada pelbagai lagi penyakit yang data diusia yang lanjut ini.

Walau pun saya ada sedikit kebun getah dan kelapa sawit. Hasil dari komoditi ini pun mula berkurangan. Mungkin sebelum ini peperangan yang berlaku di Iraq dan Afganistan menyebabkan harga getah lebih tinggi. Tidak lagi sekarang.

### **Buat Bisnes**

Umur yang sudah lanjut ini rasanya saya sudah tidak mampu untuk bersaing didalam bisnes. Kalau dari dahulu saya sudah mencebur diri didalam bisnes mungkin boleh. Tapi apakan daya saya tidak berkecimpung di dalam bisnes. Membuat bisnes diperingkat umur saya adalah amat sukar dan amat memudaratkan. Saya terpaksa bersaing dengan orang muda, orang yang masih lagi aktif memulakan atau menjalankan bisnesnya. Banyak selok-belok bisnes yang perlu dipelajari, dan mungkin sudah agak terlewat. Ada yang memulakan bisnes tetapi kebanyakannya gagal dan ada yang kehilangan modal.

Saya tidak bercadang untuk menjalankan busines.

**Apakah yang Boleh Dibuat?**

Itu satu persoalan yang perlu dicari dan dijawab untuk menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi kebanyakan orang diperingkat umur saya sekarang. Jawapannya boleh membantu orang yang seperti saya dan juga generasi akan datang.

## Dimanakan Ku Cari Ganti?

### Pendahuluan

Pasaran wang yang turun naik akan mendatangkan masalah besar kepada sesebuah negara. Ia juga akan mendatangkan masalah kepada rakyat. Isu seperti ini biasa timbul dan boleh mendatangkan masalah kepada negara dan rakyat.

### Pasaran Wang

Bagi saya seorang individu yang kurang arif dengan pasaran wang, permainan atau perniagaan wang adalah satu perkara yang merumitkan. Saya hanya membeli wang negara asing untuk membuat perjalanan kenegara asing. Tidak lebih dari itu. Walaubagaimana pun bagi orang yang berniaga lain pula. Boleh diperhatikan bahawa dengan nilai mata wang yang turun, barang-barang import akan dijual dengan harga yang lebih mahal. Kos ini juga akan naik bagi barangan tempatan.

### Wang pencen

Wang pencen yang diperolehi setiap tahun adalah lebih kurang sama dari tahun kesetahun. Tidak ada tambahan pendapatan kecuali ada tambahan yang diberi oleh kerajaan yang memerintah. Jadi dengan pendapatan kita yang hampir sama, keadaan akan menjadi lebih teruk. Persoalannya dimana kita terpaksa mencari ganti untuk menampung keperluan kita.

Macamana dengan orang yang tidak berpencen. Ia akan bergantung dengan simpanan yang ada. Lebih kurang sama dengan orang berpencen. Kalau duit sudah habis semasa berhenti kerja? Itu suatu soalan yang susah hendak saya jawab. Mungkin terpaksa terus berkerja untuk menyara hidup kita dan keluarga kita. Kita boleh sama-sama fikirkan untuk menyelsaikan masalah rumit ini.

### Macam Mana Nak Kira

Untuk mengira pendapatan kita  $P_{\text{lebihan}}$  kita boleh buat formula sendiri.

$$P_{\text{lebihan}} = P_{\text{pendapatan}} - P_{\text{perbelanjaan-tetap}} - P_{\text{makan}} - P_{\text{tak-tetap}} + P_{\text{lain}}$$

$P_{\text{lebihan}}$  adalah perbelanjaan yang lebih setiap bulan.

$P_{\text{perbelanjaan-tetap}}$  adalah perbelanjaan yang kita biasa buat setiap bulan seperti elektrik, air, gas, telefon dan iwk.

$P_{\text{makan}}$  adalah belanja untuk kita makan, minum, ubat-ubatan. Ubat-ubatan saya letak dibawah makan kerana itu satu keperluan diperingkat umur kita sekarang.

$P_{\text{tak-tetap}}$  adalah pelbagai yang kita buat seperti melancong.

$P_{\text{lain}}$  adalah pendapatan lain yang boleh kita perolehi.

$P_{\text{lain}}$  adalah amat penting kerana ia boleh menampung perbelanjaan yang sentiasa meningkat.

Ini bermakna kalau yang - semua naik tanpa  $P_{\text{lain}}$ ,  $P_{\text{lebihan}}$  akan sentiasa berkurang dan akan jadi negatif. Keadaan ini akan menjadikan lebih tenat. Sebagai contoh kita ada kebun getah dan kelapa sawit yang memberi sedikit sumbangan. Kita juga ada rumah sewa.

Saya mengakui saya bukanlah mahir atau pakar didalam bidang ini. Ini adalah satu pandangan dimana saya menghuraikan masalah didalam satu bentuk yang lebih mudah untuk saya bincangkan.

### **Pendapatan Lain**

Pendapatan yang diperolehi ini adalah dari wang simpanan, bahan berharga (emas, perak, platinum) stok, rumah sewa, perniagaan atau ladang. Sekira kita tiada apa-apa pendapatan lain adalah  $P_{\text{lain}}=0$ . Sekiranya ni berlaku keadaan kita adalah amat serius.

## **Timbul Penyesalan di Hari Tua**

### **Pendahuluan**

Umur saya sekarang mencecah 58 tahun(Tahun 2016). Sudah pencen semasa umur cukup 56 tahun. Tiba-tiba timbul rasa penyesalan kerana tidak mengambil langkah-langkah tambahan untuk menjaga wang pendapatan.

### **Pencen**

Bila pencen pendapatan kita cuma 50% dan mungkin kurang berdasarkan berapa lama kita bertugas. Senario mungkin berbeza bagi setiap orang. Semasa kita pencenlah kita akan berhadapan dengan pelbagai rintangan. Dari hari kehari, harga barang semakin meningkat. Bukan sahaja disebabkan inflasi malah kejatuhan nilai matawang. Harga sewa rumah juga makin meningkat. Kalau kita ada rumah sendiri itu dapat membantu kita. Dengan penambahan GST 6% menyebabkan harga barang meningkat. Hutang pun sekeliling pinggang. Hutang kereta, hutang rumah kami masih ada dan terpaksa ditanggung menggunakan duit pencen.

### **Timbul Penyesalan**

Saya telah mula berkerja sebagai seorang penjawat awam dan pencen sebagai seorang penjawat awam. Walau bagaimana pun diusia yang lanjut ini timbul pelbagai penyesalan:

- Kenapa aku dari dahulu tidak mencari alternatif untuk menjana pendapatan dengan kerja lain?;
- Kenapa aku tidak mencari alternatif untuk menjaga nilai duit pendapatan?;
- Kenapa aku tidak sedar bahawa diusia senja aku juga akan menghadapi masalah kesihatan seperti orang lain?;

### **Kerja Lain**

Saya mula bertugas pada tahun 1982 disebuah jabatan kerajaan. Ramai kawan-kawan yang mencari kerja disyarikat swasta. Sebagai seorang yang mempunyai biasiswa kerajaan saya terus bertugas di



Jabatan yang sama walau pun ada kawan-kawan yang ajak pergi. Mungkin diperingkat itu, saya tidak ada kesedaran mengenai kewangan. Pada pandangan saya pencen adalah lebih baik. Ada kalanya pencen adalah lebih baik. Kini saya sudah tidak pasti sama ada pencen adalah lebih baik. Itu sudah terlewat. Air mata penyesalan tidak dapat membantu.

### **Nilai Duit Pendapatan**

Duit pencen adalah sama dari setahun kesetahun kecuali ada peningkatan yang diluluskan oleh kerajaan. Nilai duit akan turun disebabkan inflasi. Inflasi akan menyebabkan harga barang naik dan nilai ini akan ditanggung oleh duit pencen yang tiada peningkatan dan ada ketikanya tidak dapat ditanggung lagi. Nilai duit juga turun disebabkan nilai matawang. Perkara ini telah berlaku pada tahun 1998. Walau bagaimana pun kerajaan dapat mengambil tindakan untuk menjaga nilai matawang. Pada tahun 2015 sekali lagi nilai duit telah jatuh. Nilai mata wang terus dibiarkan untuk mengikut harga pasaran dan nilainya masih rendah. Dengan nilai yang rendah barang-barang yang diimpot semakin mahal. Walau pun ada kenaikan sedikit keadaan sudah berubah untuk kembali kepada asal.

### **Apakah yang Boleh Dibuat?**

Itu satu persoalan yang perlu dicari dan dijawab untuk menyelesaikan masalah kewangan dan yang dihadapi kebanyakan orang diperingkat umur saya sekarang. Jawapannya boleh membantu orang yang seperti saya dan juga generasi akan datang. Saya mencari alternatif dan diusia ini saya mula berjinak-jinak dengan emas yang dikeluarkan oleh **Public Gold**. Saya percaya bahawa pilihan ini dapat membantu saya menghadapi cabaran yang saya hadapai sebagai orang yang pencen.

**Nilai Mata Wang**

**Nilai Emas**

**Simpanan Emas**

**Kesimpulan**

## **Rujukan**

1. Syukur Hashim, 2015, “Menyingkap Rahsia Pelaburan Emas-Teknik-Teknik Menjana Kekayaan Dengan Emas Dibongkarkan”
2. Mohd Zulkifli Shafie, 2016, “5 Minit Review tentang Emas”, Versi 3.0